

*Artikel Penyelidikan*

# Sejarah Kampung Telok Penyamun : Asal usul penamaan.

**Amirudin Mohd Raef<sup>1</sup>, Muhammad Akmal Amin Kamarulzaman<sup>2</sup>, Mohd Shamsul Mohd Shoid<sup>3\*</sup> dan Jafalizan Md Jali<sup>4</sup>**

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [2021823042@uitm.edu.my](mailto:2021823042@uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [2021617456@student.uitm.edu.my](mailto:2021617456@student.uitm.edu.my)

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [shamsulshoid@uitm.edu.my](mailto:shamsulshoid@uitm.edu.my);  0000-0002-0949-5412

<sup>4</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [jafalizan@uitm.edu.my](mailto:jafalizan@uitm.edu.my);  0009-0009-7236-9863

\* Correspondence: [shamsulshoid@uitm.edu.my](mailto:shamsulshoid@uitm.edu.my); +60125803084.

**Abstrak:** Kampung teluk penyamun adalah satu kawasan kampung yang terdapat di Kuala Selangor. Asal usul Kampung Teluk Penyamun berasal daripada nama yang diberikan oleh pihak British kepada orang melayu di kawasan kampung teluk penyamun suatu ketika dahulu. 2. Perkongsi dalam kajian ini, diharapkan dapat menjadi rujukan yang berguna dan bermanfaat untuk masyarakat terutamanya golongan masa hadapan untuk mendalami dan menghargai sejarah dan warisan budaya tidak kira dahulu dan sekarang.. 3. Objektif kajian sejarah lisan ini adalah untuk mengetahui sejarah awal kampung Telok Penyamun, untuk mengenali cara hidup kampung teluk penyamun dan mempelajari warisan orang kampung teluk penyamun.4. Kajian ini menemubual seorang bekas ketua kampung iaitu Encik Hazol bin Abdullah atau lebih dikenali sebagai Tok Hazol.5. Hasil daripada sesi temu bual ini mendapat bahawa asal usul nama kampung teluk penyamun ini telah diberikan oleh pihak penjajah yang menjajah di Kawasan tersebut. Sejak daripada peristiwa tersebut maka terciptalah sebuah kampung yang diberi nama Kampung Teluk penyamun. Melalui sesi temu bual ini juga banyak maklumat yang telah di kongsikan oleh tokoh tentang sejarah awal kampung tersebut.

Kata kunci: Teluk penyamun, penjajah, emas, harta rampasan

DOI: 10.5281/zenodo.10910242

---



**Copyright:** © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

---

## 1. PENGENALAN

Sejarah lisan adalah satu kaedah pengumpulan maklumat sejarah melalui kaedah temu bual dengan individu yang mengalami atau menyaksikan peristiwa sejarah. Ia bertujuan untuk merekodkan pengalaman, pandangan dan ingatan peribadi individu tersebut tentang peristiwa tertentu untuk melengkapkan catatan sejarah bertulis yang sedia ada (Jawatankuasa Kebangsaan Sejarah Lisan Arkib Negara Malaysia, 1991).

Menurut Nadzan Haron (1979), sejarah lisan juga merupakan satu teknik untuk mendapatkan keterangan tambahan bagi melengkapkan catatan rasmi tentang sesuatu peristiwa atau zaman. Ia

adalah satu bidang penyelidikan sejarah yang menggunakan temu bual dengan saksi sejarah sebagai sumber utama.

Sejarah lisan di Malaysia bermula pada awal abad ke-19 apabila Munshi Abdullah merakamkan keterangan lisan semasa lawatannya ke Pantai Timur dalam bukunya Kisah Pelayaran Abdullah. Keterangan lisan yang dikumpulnya menjadi rujukan penting kepada pengkaji sejarah awal seperti Frank Swettenham, W.E. Maxwell dan Richard Winstedt.

Menurut Nadzan Haron (1979), sejarah lisan di Malaysia berperanan untuk mengisi jurang dalam catatan rasmi dengan mendapatkan pandangan, pengalaman dan ingatan individu yang terlibat dalam sesuatu peristiwa bersejarah. Ini penting kerana tidak semua maklumat terperinci sejarah dicatat dalam rekod bertulis.

Sejak itu, sejarah lisan semakin berkembang di Malaysia melalui usaha Arkib Negara Malaysia, perpustakaan, persatuan sejarah dan institusi pengajian tinggi. Ia kini menjadi satu cabang historiografi penting dalam memahami dan mengkaji sejarah negara dari pelbagai perspektif.

Secara keseluruhannya, sejarah lisan telah memberi nafas baru dalam historiografi Malaysia dengan menambah dimensi emosi dan pengalaman peribadi ke dalam catatan rasmi mengenai peristiwa lampau. Gabungan keterangan lisan dan rekod bertulis membolehkan sejarah dikaji dengan lebih mendalam dari perspektif individu yang mengalaminya.

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN

Masyarakat tidak mempunyai pemahaman yang mencukupi atau pengetahuan tentang asal-usul kampung, jadi kajian ini dilakukan. Majoriti masyarakat, terutamanya generasi muda, tidak tahu bagaimana kampung mereka dibina dan berkembang dari masa ke semasa. Ini disebabkan oleh kekurangan dokumentasi dan penyebaran sejarah yang berkesan oleh orang terdahulu kepada masyarakat.

Bagi memastikan pengetahuan dan nilai yang diwarisi dari generasi ke generasi tidak hilang ditelan zaman, justeru penyelidikan sejarah lisan harus dilakukan secara agresif selain mempunyai keupayaan untuk menjadi alat yang berkesan dalam usaha untuk memahami, menghargai, dan memelihara sejarah dan budaya kampung.

## 3. OBJEKTIF KAJIAN

- i. Untuk mengetahui sejarah awal Kampung Teluk Penyamun
- ii. Untuk mengenali cara hidup Kampung Teluk Penyamun
- iii. Untuk mempelajari warisan orang Kampung Teluk Penyamun.

## 4. PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah sejarah awal Kampung Teluk Penyamun?
- ii. Apakah asal usul nama Kampung Teluk Penyamun?
- iii. Apakah warisan orang kampung teluk penyamun?

## 5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan bagi memberi memberikan pengetahuan kepada generasi akan datang tentang pentingnya warisan budaya kepada masyarakat dan pembangunan negara kita. Identiti masyarakat atau komuniti bergantung pada warisan budaya mereka. Ini termasuk nilai, adat

resam, bahasa, seni, dan peristiwa yang membentuk budaya. Masyarakat boleh mengekalkan identiti dan mewariskan nilai budaya mereka kepada generasi seterusnya dengan menjaga dan merawat warisan budaya mereka.


Kajian ini juga mampu memperkenalkan seni warisan Negara tentang keunikan Kampung Telok Penyamun. Hasil kajian ini mampu mendedahkan kepada umum berkenaan kewujudan Kampung Telok Penyamun.

## 6. TINJAUAN LITERATUR

Warisan budaya ketara boleh dibahagikan kepada dua iaitu statik dan mudah alih. Warisan budaya ketara iaitu sesuatu yang tetap dan tidak bergerak. Menurut Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (2015) manusia melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan ekonomi dan aktiviti-aktiviti sosial semasa usaha untuk memenuhi keperluan kehidupan. Ini menghasilkan bangunan, monumen, mercu tanda dan artifak seperti patung, busana, batu nisan dan manik yang di lihat dari sudut seni bina dan hiasan ukiran motif dan corak pada dinding dan tiang bangunan.

Warisan budaya tidak berwujud merujuk pada aktiviti budaya yang ada melalui hasil kreasi dan gagasan berdasarkan pengamatan terhadap alam untuk mengisi ruang kehidupan sehariannya mereka. Warisan tidak berwujud sering berkaitan dengan pengetahuan dan keahlian yang dimiliki manusia yang diterima melalui proses pengalaman yang diwarisi secara turun-temurun atau mimpi. Warisan budaya tidak berwujud dapat diturunkan dari satu generasi ke generasi berikutnya (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2015).

Warisan budaya tidak berwujud dapat dikategorikan berdasarkan aktiviti yang dilakukan oleh orang seperti tradisi lisan, seni pertunjukan, muzik, nyanyian dan lukisan. Pembahasan ini menunjukkan warisan budaya berwujud lebih merujuk pada warisan yang memiliki lokasi tetap dan dapat dipindahkan bergantung pada bentuk dan ukurannya. Selain itu, warisan budaya berwujud sesuatu yang tetap terlihat dan dapat disentuh .Warisan budaya tidak berwujud dihasilkan dari aktiviti budaya dan pemikiran serta falsafah yang ada dalam masyarakat terdahulu. Warisan budaya tidak berwujud juga menciptakan peradaban manusia yang berlandaskan pengetahuan dan pengalaman hidup agar dapat membentuk warisan turun-temurun yang menjadi simbol dan ikon bagi generasi seterusnya.



Gambar 1: Carta pai hasil carian bagi Kampung Teluk Penyamun

#### *GOOGLE*

Tinjauan literatur atau bacaan ilmiah menggunakan Google memberikan akses kepada pelbagai maklumat, iaitu sebanyak 28,700 sumber yang berpotensi untuk digunakan sebagai sumber rujukan untuk kajian sejarah lisan mengenai Kampung Teluk Penyamun. Selain itu, carian Google menghasilkan kadar rujukan yang lebih besar iaitu 99%, menunjukkan banyak maklumat dan sumber yang tersedia yang sesuai untuk ulasan literatur sejarah lisan. Namun begitu, tidak semua maklumat dan sumber adalah berkaitan dengan Kampung Telok Penyamun.

#### *GOOGLE SCHOLAR*

Terdapat 121 sumber yang berkaitan dengan Kampung Teluk Penyamun di Google Scholar membentangkan sumber akademik yang lebih komprehensif dan disasarkan. Sumber rujukan mengenai Kampung Teluk Penyamun melalui Google Scholar menghasilkan kadar rujukan yang kecil sebanyak 1%, menunjukkan bahawa pangkalan data khusus ini mengandungi kuantiti terhad sumber ilmiah yang berkaitan. Namun, apabila artikel yang terdapat di Google Scholar tidak berkaitan dengan tajuk kajian lisan yang kami jalankan.

#### *ONLINE FINDING AIDS (OFA)*

OFA (Online Finding Aid) menunjukkan tiada sebarang rujukan yang menunjukkan bahawa sumber ini secara khusus dan tidak mempunyai sumber yang berkaitan.

### **7. METODOLOGI**

Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini menggunakan kaedah temubual. Kaedah temubual ini dilakukan secara bersemuka bersama penyelidik dan juga tokoh. Tokoh tersebut akan ditanyakan beberapa soalan yang telah dirangka oleh penyelidik. Ini bertujuan memudahkan penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan terperinci tentang Kawasan Telok Penyamun tersebut. Kaedah temubual ini akan dilakukan ditempat dan masa yang penyelidik dan juga dipersetujui oleh tokoh itu sendiri.

#### **Dokumen Analisis**

Metodologi ini termasuk prosedur untuk mendapatkan dokumen, mengesahkan kebolehpercayaan dan kesahihannya, meneliti serta mengumpul maklumat yang berguna.

Semasa analisis awal, dokumen yang berkaitan dengan subjek penyelidikan perlu dikumpul dan dipilih untuk memulakan proses penyediaan dokumen. Dokumen yang dipilih perlu meliputi penyelidikan berkaitan sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun terkini. Dokumen juga dikumpulkan melalui carian di arkib atau laman web rasmi. Proses yang dilakukan merupakan pemeriksaan kesahihan dan ketulenan dokumen.

#### **Temubual Secara Lisan**

Kaedah sistematik untuk melakukan temu bual secara lisan dengan responden dan mendapatkan maklumat dikenali sebagai temu bual secara lisan. Metodologi ini termasuk perancangan temu bual, pemilihan responden, menyediakan persekitaran temu bual yang sesuai, dan merekodkan ~~dan~~ serta menganalisis data yang diperoleh. Kaedah temu bual boleh dibentuk menjadi kuantitatif atau kualitatif berdasarkan kepada tujuan dan jenis maklumat yang diperoleh.

Kajian ini akan menggunakan temu bual berstruktur, yang bermaksud temu bual dilakukan secara formal, dirancang dengan teliti, dan mengikut senarai soalan yang telah disediakan oleh penemubual. Penemubual dikehendaki bertanya/mengajukan soalan kepada subjek kajian

berdasarkan set soalan yang telah diselesaikan. Sesetengah sumber sejarah ialah sejarah lisan, yang diceritakan oleh seorang tokoh berdasarkan pengalaman atau peristiwa mereka sendiri. Sejarah lisan digunakan untuk mengumpulkan sebanyak mungkin ingatan dan pengalaman tokoh yang terlibat dalam subjek yang hendak dikaji. Hasil dapatan sejarah lisan yang dijalankan melalui temu bual ini disimpan sebagai sumber utama atau primer digunakan untuk kajian lanjutan di masa hadapan.

## 8. HASIL KAJIAN

Hasil daripada sesi temu bual ini adalah Sejarah awal dan latar belakang nama kampung teluk penyamun ini telah diberikan oleh pihak penjajah yang menjajah di Kawasan tersebut. Melalui sesi temu bual ini juga banyak maklumat yang telah dikongsikan oleh tokoh tentang permulaan kampung tersebut.

Kampung Teluk Penyamun ini merupakan sebuah kampung yang berada di bawah naungan Kampung Kuantan. Menurut kisah daripada sesi temubual tersebut Kampung Teluk Penyamun ini mendapat julukan sebabkan peristiwa perampasan semula harta daripada pihak penjajah. Kawasan Teluk Penyamun ini adalah salah satu kubu bagi orang Melayu untuk merampas serta menyekat pihak penjajah membawa keluar harta yang telah diambil oleh mereka.

Kampung Teluk Penyamun ini adalah tempat yang sesuai untuk melawan semula pihak penjajah kerana paling hampir dengan teluk-teluk sungai yang sesuai dijadikan tempat bersembunyi dan mengendap musuh. Kampung Teluk Penyamun ini telah dibuka oleh datuk dan ayah tokoh ketika mereka masuk dikawasan tersebut untuk mencari hasil nipah.

Warisan kebudayaan yang masih dikekalkan oleh Kampung Teluk Penyamun merupakan kompong. Kompang merupakan alat muzik tradisional yang paling popular di kalangan orang Melayu dan tergolong dalam kumpulan gendang. Alat ini berasal dari dunia Arab dan dipercayai dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh pedagang-pedagang yang datang berdagang ke Tanah Melayu pada waktu itu. Tempoh masa dan bangsa yang khusus bertanggungjawab membawa alat muzik ini tidak diketahui; sama ada India Muslim ketika zaman Kesultanan Melaka atau melalui Pulau Jawa, Indonesia, oleh pedagang Arab pada abad ke-13. Alat musik tradisional ini masih dimainkan di kampung ini khususnya ketika penduduk kampung mengadakan majlis seperti persandingan dan sebagainya.

Namun begitu, sebelum kompong masih belum diperkenalkan di Kampung Telok Penyamun - Rebana merupakan alat muzik gendangan tradisional Melayu yang sering digunakan. Rebana merupakan alat muzik membranofon yang mempunyai kerangka kayu bulat, serta muka kulit binatang yang dipukul dengan tapak tangan untuk mengeluarkan bunyi yang lantang. Tokoh turut berkongsi ada mencerite pengalaman sewaktu beliau masih kecil dan menyertai orang bermain rebana hingga lewat malam.



Gambar 1: Kompang warisan budaya kini di Kampung Telok Penyamun



Gambar 2: Rebana warisan budaya dahulu di Kampung Telok Penyamun

## 9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian sejarah Kampung Telok Penyamun di Kuala Selangor, Selangor memberi sumbangan besar dalam memahami dan memelihara warisan budaya dan sejarah kampung tersebut. Dengan menggunakan kaedah temubual dan analisis dokumen, kajian ini mengkaji aspek-aspek utama seperti asal usul kampung, aktiviti ekonomi dan amalan tradisional yang membentuk identiti kampung. Tidak dinafikan kepentingan memahami sejarah kampung demi mengekalkan warisan budaya dan memperkuuh identiti tempatan.

Kajian ini memfokuskan kepada kurangnya kesedaran masyarakat tentang asal usul kampung, ancaman kepupusan budaya dan sejarah akibat pembangunan, serta kurangnya kesedaran tentang kepentingan memelihara sejarah dan budaya bandar. Dengan mendokumentasikan dan menyebarkan ilmu sejarah ini, diharapkan masyarakat setempat menghargai warisan mereka dan lebih komited dalam pemeliharaannya. Tuntasnya, kajian ini bukan sahaja memberi manfaat kepada Kampung Telok Penyamun tetapi juga memberi panduan dan inspirasi untuk kajian yang serupa di kawasan lain.

### Penghargaan:

Segala puji dan syukur kami panjatkan kepada Ilahi kerana telah mempermudahkan segala urusan dalam menyelesaikan tugas ini. Dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kami berhasil menyelesaikan tugas tepat pada waktunya. Kesehatan yang diberikan-Nya juga telah membantu kami tetap ceria dan bersemangat selama proses penyelesaian. Meskipun menghadapi beberapa rintangan tak terduga, kami berhasil mengatasinya dengan bimbingan-Nya. Kami menyadari bahawa rintangan tersebut sebenarnya merupakan jalan pembuka untuk merangsang pemikiran dan menyelesaikan masalah. Segala puji bagiMu, Ya Allah.

Kami juga ingin menyampaikan rasa penghargaan yang tak terhingga kepada Encik Hazol bin Abdullah, atau lebih dikenali sebagai Tok Hazol, atas kesudiannya yang luar biasa dalam memenuhi permintaan kami untuk temubual. Jutaan terima kasih kami haturkan atas kerjasama yang sangat berharga yang diberikan oleh beliau sepanjang proses temubual. Setiap maklumat dan ilmu yang telah dikongsi oleh beliau sangat berharga untuk kegunaan kami pada masa yang akan datang. Perkongsian ilmu dari Tok Hazol telah memberikan wawasan yang mendalam tentang latar belakang dan sejarah Kampung Teluk Penyamun. Kami yakin bahawa pengetahuan ini akan memberikan manfaat yang besar tidak hanya untuk kami sendiri tetapi juga untuk masyarakat di Malaysia dan di seluruh dunia. Semoga perkongsian ilmu ini diberkati oleh Ilahi dan menjadi pemangkin untuk perkembangan yang lebih baik tidak hanya di dalam negara, tetapi juga secara global.

Turut disertakan dalam ucapan terima kasih kami adalah kepada pensyarah subjek IMR604 (Oral Documentation) yang amat kami hargai, iaitu Encik Jafalizan bin Md. Jali. Kami ingin mengucapkan rasa terima kasih yang mendalam atas segala sokongan, tunjuk ajar, dan perhatian yang telah beliau berikan dalam proses penyiapan tugas ini. Tanpa bantuan dan arahan dari Encik Jafalizan, mungkin kami tidak akan dapat menyelesaikan tugas ini dengan begitu baik. Kami juga ingin menghargai pengorbanan masa yang diberikan oleh Encik Jafalizan, yang sentiasa membantu dan memantau kemajuan kerja kami. Perkongsian ilmu dari beliau tidak hanya membantu kami dalam menyelesaikan tugas ini, tetapi juga membuka minda kami untuk tidak menghadapi rintangan dengan kehilangan semangat. Kami bersyukur kerana beliau menerima kami sebagai pelajar dan memberikan tunjuk ajar yang efektif, membolehkan kami memahami cara untuk mewawancara tokoh dan menyusun transkrip dengan sempurna. Terima kasih banyak, Encik Jafalizan.

Kami juga ingin menyampaikan ucapan penghargaan kepada seluruh anggota keluarga dan sahabat tercinta kami. Tanpa sokongan, dorongan, dan galakan dari mereka, kami tidak akan mencapai pencapaian ini. Terima kasih kepada sahabat kami, terutamanya Azizul Hakim bin Hazmi @ Azmi dan Nurhani Sofea binti Mohd Subki yang telah membantu kami menjalankan proses temubual dengan lancar. Kami juga tidak akan melupakan rakan sekelas dan rakan serumah yang telah memberikan bantuan dan nasihat berharga kepada kami. Ucapan terima kasih juga kepada mereka yang tidak ketinggalan dalam memberikan nasihat dan tunjuk ajar, yang telah mengajarkan kami makna kesabaran dan ketulusan. Meskipun kerja keras yang mereka lakukan tidak selalu tampak, namun mereka tetap memberikan sokongan tanpa kenal lelah agar kami berjaya di masa depan. Terima kasih kepada semua. Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat, baik secara langsung maupun tidak langsung, dalam membantu kami menyelesaikan tugas ini. Melalui penelitian ini, kami mendapat peluang untuk lebih memahami latar belakang dan sejarah awal kampung ini. Tanpa kerjasama dan bantuan mereka, kami tidak akan memperoleh pengetahuan ini.

Sekian, terima kasih

## RUJUKAN

Asal usul selangor. (n.d.). <https://123dok.com/document/y694384y-asal-usul-selangor.html>

Khairuddin, A. H. B. (2022, November 24). *Warisan kebudayaan: memahami konsep mengikut pertubuhan bangsa-bangsa bersatu (pbb) dan antropologi kebudayaan serta pemahaman di malaysia: cultural heritage: understanding the concept according to the united nations and cultural anthropology as well as how it is understood in malaysia.* <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/40299>

Mohd. Yuszaidy Mohd. Yusoff. 2010. Pembangunan Warisan di Malaysia: Tinjauan Umum Tentang Dasar. *Jurnal Melayu* 5

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2018). *Jurnal Melayu. Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundanganwarisan Dan Agensi Pelaksana Di Malaysia*, 17(2), 159. <http://journalarticle.ukm.my/13129/1/28661-87547-1-SM.pdf>

Mohammed Anwar Omar Din ed. 2008. *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Nadzan Haron. (1979). Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks Malaysia. *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics and Strategic Studies*. Vol.9: 44- 58. pengkajian sejarah

KOMPANG. (n.d.). <https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/culture/dis/230>

REBANA KERAS. (n.d.). <https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/culture/dis/175>